

BAHASA MALAYSIA TAHUN 2

Nama : _____ () Markah: _____ %

Kelas : 2() Tarikh :

T/tangan Ibu Bapa : _____

A. Baca petikan di bawah, kemudian bulatkan jawapan yang betul. (10X2% = 20%)

Petikan 1

Pada suatu malam, ayah dan Encik Azmi meronda di sebatang lorong. Apabila tiba di belakang sebuah rumah, mereka terlihat seorang lelaki sedang memanjat tingkap.

Ayah menyuluh lelaki itu dengan lampu suluh. Lelaki itu terkejut. Dia segera melarikan diri. Ayah dan Encik Azmi mengejar pencuri itu. Mereka berjaya menangkapnya. Ayah menelefon polis. Pencuri itu dibawa ke balai polis dengan sebuah kereta polis. Pihak polis memuji sikap ambil berat peronda SRS itu.

1. Di manakah ayah dan Encik Azmi meronda?
 - A. Di sebatang jalan
 - B. Di sebatang sungai
 - C. Di sebatang lorong

2. Ayah dan Encik Azmi terlihat seorang lelaki sedang memanjat _____.
A. tingkap B. pintu C. pagar

3. Apakah yang digunakan oleh ayah untuk menyuluhan lelaki itu?
- A. Lampu isyarat
 - B. Lampu suluh
 - C. Lampu meja
4. Siapakah yang dikejar oleh ayah dan Encik Azmi?
- A. polis
 - B. pencuri
 - C. peronda SRS
5. Pihak polis _____ sikap ambil berat peronda SRS itu?
- A. mengejar
 - B. menelefon
 - C. memuji

Petikan 2

Pada setiap hari Khamis, murid-murid Tahun 2A menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani. Kavita dan kawan-kawannya beratur di kaki lima kelas. Mereka memakai pakaian sukan. Cikgu Remi membawa mereka pergi ke padang sekolah.

Aiman dan Mohan pergi ke stor sukan. Mereka mengambil pundi kacang dan gelung rotan. Mereka membawa peralatan itu dengan berhati-hati.

Cikgu Remi mengajar murid-murid melambung dan menyambut pundi kacang. Selepas itu, mereka berlari dan melompat ke dalam gelung rotan.

Seronoknya mereka bermain. Mereka sentiasa menjaga keselamatan diri.

6. Bilakah murid-murid Tahun 2A menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani?
- A. Setiap hari Selasa
 - B. Setiap hari Rabu
 - C. Setiap hari Khamis

7. Apakah yang dipakai oleh mereka semasa pergi ke padang sekolah?
- A. Pakaian sekolah
 - B. Pakaian sukan
 - C. Pakaian rumah
8. Di manakah Aiman dan Mohan pergi?
- A. Padang sekolah
 - B. Kaki rumah
 - C. Stor sukan
9. Siapakah yang mengajar murid-murid Tahun 2A Pendidikan Jasmani?
- A. Cikgu Remi
 - B. Kavita
 - C. Mohan
10. Mereka bermain dengan _____.
- A. berhati-hati
 - B. seronok
 - C. sedih
- B. Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul.($5 \times 2\% = 10\%$)


Dia	Mereka	Saya	Kami	nya
	Ini Anisa, Herina dan Kavita. (1) _____ kawan saya.			
	Itu Beego. (2) _____ sedang menghabiskan minuman(3) _____.			
	(4) _____ dan Mohan berkawan baik. (5) _____ suka makan capati.			

C. Bulatkan kata tanya yang betul.(5X1%=5%)

1. (Bilakah / Di manakah) kamu tinggal?
2. (Apakah / Siapakah) tajuk buku itu?
3. (Siapakah / Apakah) guru Bahasa Malaysia kamu?
4. (Mengapakah / Bilakah) kita perlu minum susu?
5. (Bilakah / Siapakah) kamu akan memulangkan buku ini?

D. Tulis kata kerja tunggal berdasarkan gambar.(5X2%=10%)

sidai	jirus	mop	lap	tutup
-------	-------	-----	-----	-------



E. Tandakan (✓) pada ayat majmuk yang betul.(5X2%=10%)


1a. Tandas ini kecil sambil bersih.	()
b. Tandas ini kecil tetapi bersih.	()
2a. Abang makan roti bakar dan telur goreng.	()
b. Abang makan roti bakar atau telur goreng.	()
3a. Maria menggosok gigi sambil melihat cermin.	()
b. Maria menggosok gigi kerana melihat cermin.	()
4a. Badan saya bersih kerana sentiasa diberus.	()
b. Badan saya bersih tetapi sentiasa diberus.	()
5a. Tuala itu kering atau basah.	()
b. Tuala itu kering dan basah.	()

F. Padankan simpulan bahasa yang berikut .(5X1%=5%)

1.ambil	•
2.alas	•
3.mandi	•
4.sakit	•
5.kaki	•

perut
berat
kerbau
lima
hati

G. Padankan ayat berdasarkan gambar.($5 \times 2\% = 10\%$)



Simpan gunting di dalam laci.

Jaga kebersihan tandas kita.

Badan sihat otak cerdas.

Letakkan ubat-ubatan di dalam peti ubat khas.

Makan makanan seimbang.

H.Susun perkataan di bawah supaya menjadi ayat yang betul.
(5X3%=15%)

1. tong sampah / membuang sampah / ke dalam / Mereka.


2. bumbung / sedang memanjat / Ali / sebuah banglo

3. berfikir seketika / Kita / sebelum melintas / haruslah

4. di atas rak / Susun / kaca ini / pinggan

5. menunggang basikal / berbaris / secara / Raju dan Abu

I. Bina ayat berdasarkan gambar di bawah.($5 \times 3\% = 15\%$)

1 	berjoging - taman
2 	memandu - berhati-hati
3 	beratur - membeli
4 	bermain - padang
5 	membaca - senyap

Jawapan

A.

1. C
2. A
3. B
4. B
5. C
6. C
7. B
8. C
9. A
10. B

B.

1. Mereka
2. Dia
3. nya
4. Saya
5. Kami

C.

1. Di manakah
2. Apakah
3. Siapakah
4. Mengapakah
5. Bilakah


D.

1. Tutup
2. Lap
3. Mop
4. Jirus
5. Sidai


E.

1. b
2. a
3. a
4. a
5. a

F.



G.



H.

1. Mereka membuang sampah ke dalam tong sampah.
2. Ali sedang memanjat bumbung sebuah banglo.
3. Kita haruslah berfikir seketika sebelum melintas.
4. Susun pinggan kaca ini di atas rak.
5. Raju dan Abu menunggang basikal secara berbaris.